

KONSEP PERKAHWINAN DI DALAM AGAMA KRISTIAN ROMAN KATHOLIK

3.1 Pengenalan

Pada dasarnya, agama Kristian memandang perkahwinan sebagai satu ikatan suci antara seorang lelaki dengan seorang wanita untuk sepanjang zaman. Oleh kerana itu perceraian dalam agama Kristian tidak diiktiraf sama sekali. Seorang lelaki hanya dibenarkan berkahwin sekali sahaja seumur hidup, demikian juga wanita. Relatifnya, perkahwinan bagi penganut agama Kristian khususnya aliran Roman Katholik menganggap perkahwinan sebagai suatu perhubungan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang sama-sama telah bersetuju untuk hidup bersama sebagai suami isteri untuk seumur hidup dan sepanjang hayat.

3.2 Konsep Perkahwinan menurut Perspektif Agama Kristian Roman Katholik

3.2.1 Definisi Konsep Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik

Perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik dilihat dari banyak sudut. Ahli teologi (*Theologion*) menganggap perkahwinan sebagai satu seruan(*vocation*)

iaitu panggilan tuhan.¹ Mereka juga menganggap ianya sebagai salah-satu daripada tujuh tanda-tanda kepercayaan kepada anutan.² Perkahwinan mendapat kedudukan yang cukup tinggi dan mulia di dalam agama Kristian Roman Katholik. Selain merupakan seruan tuhan, ianya sebahagian daripada sifat-sifat asas mendasari lelaki dan wanita. Perkahwinan bukan sahaja institusi kemanusiaan semata malahan ianya merupakan perancangan yang bermula daripada Tuhan. Justeru tuhan telah mencipta kasih sayang antara lelaki dan wanita dalam imej (gambaran) kasih sayang yang dimilikinya untuk bangsa manusia. Sementara itu, St.Paul telah menyamakan perkahwinan kepada ketaatan dan kebaktian Jesus Christ terhadap gereja (*church*) apabila beliau telah menyerahkan dirinya kepada gereja.³

Perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik ialah penyatuan antara lelaki dan perempuan yang diasaskan kepada peristiwa Adam dan Hawa (Adam and Eve) yang dicipta tuhan sebagai gambaran kasih sayang melalui imej ataupun gambaran tuhan kepada bangsa manusia. Ketika tuhan mencipta alam dan segala bentuk hidupan maka tuhan telah mencipta seorang lelaki. Lelaki itu diberi tugas menamakan segala haiwan liar dan burung di syurga namun tidak menemui pendamping di antara hidupan tersebut. Maka tuhan telah menciptakan *eve* (perempuan) sebagai pendamping Adam yang dicipta dari tulang rusuknya sendiri.⁴ *Gospel Genesis* menyebut tentang perkara ini :⁵

¹ Michael Keene, (1995), *Living Faith The Catholic Experience*, CHELTENHAM, England : Stanley Thornes (Publishers) LTD, hal. 132

² *New Catholic Enclopaedia*, hal. 271. Lihat juga, Ian Richard Netton,(t.t), *Islam, Christianity and Tradition A Comparative Exploration*, United kingdom : Edinburgh University Press, hal. 67

³ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 132

⁴ *Ibid*, hal. 132

⁵ *Genesis 2:23*

*"This at last is bone of my bones,
And flesh from my flesh!,
This is to be called women,
For this was taken from man*

Perkahwinan sebagai penyatuan lelaki dan perempuan dalam satu tempoh tertentu yang dipersetujui oleh masyarakat. Persetujuan masyarakat ini membezakan antara perkahwinan dan hubungan antara lelaki dan perempuan yang lain.⁶

Manakala pihak yang menekankan hubungan antara pasangan mendefinisikan perkahwinan sebagai penyatuan seksual secara sah (*legally*). Cara perkahwinan yang dijalankan adalah melalui pengumuman kepada orang awam mengenai perkahwinan yang dirancang untuk dilaksanakan oleh pasangan terbabit. Kemudian kontrak perjanjian perkahwinan akan diberikan kepada pasangan yang mana di dalamnya terkandung tanggungjawab antara pasangan dan tanggungjawab pasangan terhadap anak-anak. Namun bagi pihak yang menekankan kepentingan perkahwinan telah mendefinisikan perkahwinan sebagai satu cara yang sah untuk mendapatkan zuriat, memberi lesen keibubapaan dan memastikan zuriat atau anak-anak tersebut mendapat penjagaan yang sempurna.⁷

⁶ The International Edition (1829), *The Enclopedia Americana*, Dandbury: Grolier Incorporated: International Headquarters, Connecticut 06816, Copyright @ 1991 by Grolier Incorporated, Vol. 18, hal. 345

⁷ *The Enclopedia Americana*, *ibid.* hal. 345

Pada peringkat awal sejarah penganut agama Kristian, perkahwinan merupakan satu upacara keagamaan yang dilakukan di gereja. Ajaran Roman Katholik pula menekankan ciri-ciri yang suci di dalam perkahwinan dan merupakan ikatan semulajadi yang berkekalan.⁸ Ini ditambah dengan satu lagi pengertian daripada ‘*Canon Law*’ mengenai definisi perkahwinan yang menyebut perkahwinan sebagai satu penyatuan secara sukarela antara seorang lelaki atau perempuan seumur hidup dengan mengecualikan semua orang lain⁹.

Oleh yang demikian, perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik bukanlah sekadar untuk menghasilkan zuriat semata-mata malah lebih dari itu. Ini kerana menurut agama Kristian melahirkan generasi adalah datangnya daripada keinginan, kebebasan membuat pilihan, kebijaksanaan lamaran yang dibuat tanpa paksaan. Justeru tuhan telah mencipta gender yang berbeza supaya masing-masing gembira untuk bersatu, sebagai penghibur hati, untuk kesempurnaan serta mendatangkan manfaat terhadap keturunan dan individu agar semuanya akan bergerak seiring. Perkahwinan juga bukan sekadar cinta semata-mata, tetapi cinta perkahwinan yang menghasilkan nyawa. Anak merupakan bukti kepada cinta perkahwinan dan kasih sayang ibu bapa yang tidak dapat dipisahkan.¹⁰

⁸ *The Enclopedia Americana, ibid.*, hal. 349

⁹ Mat Saad Abd Rahman, Prof. Madya, Dr. (1993), *op.cit.*, hal. 17-18

¹⁰ *Op.cit.*, hal. 270

3.2.2 Sumber Dalil dan Hukum Berkahwin dalam Agama Kristian Roman Katholik.

3.2.2 (a) Hukum Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik

Hukum perkahwinan di dalam agama Kristian adalah mengikut asalnya iaitu harus. Harus berkahwin di dalam agama Kristian tetapi tidak sampai wajib seperti mana dalam agama Yahudi.¹¹ Namun perkahwinan di dalam agama Kristian adalah digalakkan. Di dalam pernyataan yang tersebut dalam Bible terutama yang berkait dengan perkahwinan, disebutkan daripada Jesus seterusnya dalam pernyataan Bible menyatakan perintah supaya berzahid dan semua menyokong supaya perhubungan perkahwinan itu harus diperkuatkan bagi melaksanakannya, tidak mengabaikannya atau tidak memutuskannya sama sekali. Ini kerana perkahwinan adalah merupakan suatu pertalian yang dihimpunkan oleh Allah. Justeru, kebanyakan komuniti masyarakat Kristian memilih perkahwinan seperti mana komuniti agama lain di dunia khususnya Islam.¹²

Walaupun begitu di dalam agama Kristian terdapat suatu amalan atau cara hidup yang menjadi pegangan sesetengah mereka dinamakan '*Celibacy*' iaitu hidup

¹¹ Hj. Abdul Kadir Hj. Abdullah Hassan (2002), *Sejarah Perbandingan/ Falsafah Perkahwinan, Agama Islam, Kristian dan Yahudi*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers

¹² Temubual dengan **Paderi Edward**, Paderi di Gereja St. Joseph Kuching, bertempat di Gereja St. Joseph (*Catholic Church*) Kuching, Sarawak. Temuramah pada tarikh 11 Februari 2006 jam 10.00 pagi.

membuang dan tidak berkahwin. Amalan ini hanya diamalkan oleh pihak tertentu dalam masyarakat Kristian iaitu para paderi dan biarawati¹³.

3.2.2 (b) Sumber Dalil Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik

Sumber dalil di dalam agama Kristian adalah berdasarkan *Gospel Genesis* seperti berikut :

"God said, ' let us make man in our image, in the likeness of ourselves, and let them be masters of the fish of the sea, the birds of heaven, the cattle, all the wild beasts and all the reptiles that crawl upon the earth'.

God created man in the image of himself, in the image of god he created them, male and female he created them.

God bless them, saying to them. 'be fruitful, multiply, fill the earth and conquer it. Be masters of the fish of the sea, the birds of heaven and all living animals on the earth.'"¹⁴

Justeru menurut pernyataan di atas menggambarkan imej tuhan yang terdapat di dalam penciptaan diri lelaki dan perempuan. Begitu juga terdapat hikmah dan sebabnya tuhan menciptakan golongan lelaki dan perempuan iaitu untuk berkuasa dan mentadbir di atas segala apa yang diciptakan tuhan iaitu segala makhluk-makhluk lain di muka bumi ini. Pasangan pengantin pertama diciptakan tuhan ialah Adam dan Hawa (Adam and Eve). Seterusnya dinyatakan di dalam *The Old Testament* :

¹³ *Ibid.* Lihat juga Mircea Eliade (Editor In Chief), (t.t), *The Encyclopedia of Religion, op.cit.*, vol. 3, New York: MacMillan Publishing Company, hal. 145.

¹⁴ Sila rujuk *Genesis 1 : 26*

"Yahweh god said, 'it is not good that the man should be alone. I will make him a helpmate.' So from the soil Yahweh god fashioned all the wild beasts and all the birds of heaven. These he brought to the man to see what he would call them; each one was to bear the name the man would give it. The man gave names to all the cattle, all the birds of heaven and all the wild beasts. But no helpmate suitable for man was found for him. So Yahweh god made the man fall into a deep sleep. And while he slept, he took one of his ribs and enclosed it in flesh. Yahweh god built the rib he had taken from the man into a woman, and brought her to the man. The man exclaimed: 'This at last is bone from my bones. And flesh from my flesh!'"¹⁵

Pernyataan tersebut menggambarkan kedudukan perempuan di sisi lelaki yang amat dekat dan rapat iaitu diciptakan dari tulang rusuk lelaki. Justeru, tuhan menjadikan isteri sebagai penyokong dan pendamping erat suaminya kerana keduanya bukan lagi dua tetapi adalah satu dan tidak akan dapat terpisah selama-lamanya.

Secara prinsipnya terdapat tiga sumber hukum dan undang-undang berkenaan perkahwinan yang menjadi rujukan penganut agama Kristian Roman Katholik khususnya di Malaysia iaitu¹⁶;

- (i) Kitab Bible (*The Old Testament* dan *New Testament*),
- (ii) Undang-undang Gereja (*Code of Canon Law*)¹⁷
- (iii) Undang-undang Sivil (Undang-undang Malaysia, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) & Kaedah-kaedah)

¹⁵ *Genesis, 2 : 18-25*

¹⁶ Temubual dengan **Paderi William Sabang**, Paderi dan 'lawyer' kepada Undang-undang 'Canon Law' di Chapel of Mother Mary, bertempat di Chapel of Mother Mary, Stutong, Kuching, Sarawak, temubual pada tarikh 27 Mac 2010 jam 3.30 petang.

¹⁷ The Canon Law Society of Great Britain & Ireland In Association with The Canon Law Society of Australia & New Zealand and The Canadian Canon Law Society, (English Translation) *The Code of Canon Law* from 'Codex Luris Canonici' (Latin), Sydney, Australia : Collins Liturgical, 2001.

Ketiga-tiga undang-undang tersebut walaupun berbeza namun masih berkaitan antara satu sama lain. Kitab Bible (*The Old & New Testament*) merupakan rujukan utama agama Roman Katholik yang mana di dalamnya terdapat anjuran dan galakan yang jelas supaya berkahwin¹⁸.

Manakala Undang-undang '*Canon Law*' pula merupakan undang-undang yang terhasil daripada satu perhimpunan besar-besaran oleh gereja Roman Katholik pada tahun 1963 yang dinamakan '*Vatican Council*' ke-II, yang mengkaji semula semua ajaran gereja dan selok belok agama Kristian Roman Katholik. Maka dari '*Vatican Council*' ke-II tersebut beberapa dokumen (dari pelbagai bahagian dalam Roman Katholik) telah dikeluarkan. Justeru, satu dokumen telah diumumkan secara rasminya oleh John Paul II iaitu pengetua Gereja Roman Katholik yang dinamakan '*Code of Canon Law*' pada tarikh 25 Januari 1983 dan berkuatkuasa pada tarikh 27 November 1983. Ianya diubah suai daripada '*Code of Canon Law*' yang asli dalam bahasa Latin dinamakan '*Codex Iuris Canonici*' oleh Pope Benedict XV yang diumumkan secara rasmi pada tarikh 27 Mei 1917 dan dikuatkuasakan pada tarikh 19 Mei 1918¹⁹. Isi kandungannya berfungsi menerangkan peraturan kehidupan Roman Katholik dari sudut undang-undang serta menguruskan hal ehwal kehidupan penganut Roman Katholik di seluruh dunia²⁰.

¹⁸ Temubual dengan **Paderi William Sabang**, Paderi dan '*lawyer*' kepada Undang-undang '*Canon Law*' di Chapel of Mother Mary, bertempat di Chapel of Mother Mary, Stutong, Kuching, Sarawak. Temubual pada tarikh 27 Mac 2010 jam 3.30 petang. Lihat juga laman web; Canon Law Info : www.canonlaw.info/index.html , tarikh 3 Mac 2010

¹⁹ *The Code of Canon Law, op.cit.*, Introduction

²⁰ *Ibid.*

Manakala undang-undang Sivil pula dijelaskan iaitu, Undang-undang Malaysia, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) & Kaedah-kaedah) yang diguna pakai di Malaysia khususnya bagi penganut bukan Islam termasuklah penganut aliran Roman Katholik²¹.

Relatifnya, ketiga-tiga undang-undang tersebut boleh diguna pakai oleh Roman Katholik bagi melengkap serta menyempurnakan beberapa peraturan di antaranya. Sebagai contoh di dalam '*Canon Law*' tidak dinyatakan undang-undang perceraian maka di situ undang-undang Sivil dibenarkan oleh '*Canon Law*' sendiri yang mewakili Roman Katholik untuk dirujuk. Ia dinyatakan dalam peraturan '*Code of Canon Law*' yang menjelaskan sekiranya sesuatu undang-undang tidak terdapat di dalam hukum gereja (*Canon Law*), maka undang-undang Sivil berkuasa sepertimana undang-undang gereja dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan hukum Tuhan (Bible). Namun sekiranya kedua-dua undang-undang Sivil dan juga '*Canon Law*' ada dinyatakan hukum perkara itu, maka dalam keadaan tersebut, undang-undang *Canon Law* yang mesti dipatuhi²².

²¹ *Ibid.*

²² *The Code Of Canon Law – C 22.*

3.2.3 Syarat-syarat dalam Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik.

Pada dasarnya terdapat beberapa perkara penting yang menjadikan perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik itu sah iaitu²³;

- (i) Kedua-dua pihak lelaki dan perempuan mesti ada kemahuan atau kehendak (*concent*)
- (ii) Tidak terdapatnya halangan-halangan (*impediment*) sepertimana yang telah ditetapkan oleh *Canon Law*.
- (iii) Upacara Perkahwinan (lihat pada bahagian upacara perkahwinan).

Justeru setelah jelas perkara di atas maka diikuti beberapa syarat²⁴ untuk membolehkan perkahwinan dalam Roman Katholik berjalan dengan sempurna iaitu :

- (1) Pasangan pengantin (Lelaki dan Perempuan).

Syarat ini terikat dengan syarat pihak lelaki dan perempuan hendaklah bersetuju untuk menjadi pasangan suami isteri.²⁵ Pengantin lelaki hendaklah berumur 16 tahun ke atas dan pengantin perempuan pula berumur 14 tahun ke atas untuk membolehkan berkahwin, bergantung kepada undang-undang kerajaan.²⁶

²³ Temubual dengan **Paderi William Sabang**, *op.cit.*.

²⁴ Temubual dengan **Paderi Edward**, di Gereja St. Joseph (Catholic Church), Kuching Sarawak. Temubual pada tarikh 11 Februari 2006 jam 10.00 pagi dan temubual dengan **Paderi William Sabang**, *ibid.*

²⁵ *The World Book Encyclopedia*, vol. 13 (M), Chicago: World Book, Inc, hal.221

²⁶ *The Code of Canon Law*- C1083, hal. 193

- (2) Dua orang Saksi (Lelaki dan Perempuan). Saksi-saksi tidak boleh mempunyai hubungan begitu rapat seperti adik beradik dan sebagainya dan hendaklah berumur dua puluh satu tahun ke atas.
- (3) Orang yang menerima perjanjian kahwin iaitu Paderi.

Selepas perkara dan syarat-syarat di atas terlaksana, maka barulah upacara ritual dilakukan seperti pertukaran cincin dan lain-lain.

3.2.4 Objektif Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik

Objektif perkahwinan di dalam Agama Kristian Roman Katholik adalah seperti berikut:

- i. Agar manusia mempunyai teman, penyokong serta pendamping hidup di dunia Justeru adalah suatu perkara yang tidak baik jika manusia hidup seorang diri di dunia. Maka, suami dan isteri merupakan pasangan terbaik di dunia sepertimana kisah Adam dan Hawa (Adam & Eve). Realitinya manusia sentiasa memerlukan teman atau pasangan hidup untuk membolehkan mereka menjalani hidup dengan sempurna di dunia. Maka sebab itulah manusia

menurut agama Kristian Roman Katholik digalakkan supaya berkahwin²⁷. Jelas perkahwinan di dalam agama Kristian dikenali sebagai penyatuan suci antara Adam dan Hawa (Adam and Eve) dan dianggap sebagai seruan²⁸ yang amat digalakkan kepada penganut agama Kristian.

- ii. Suami isteri adalah wajah Tuhan di dunia dan ia merupakan gambaran cinta (komuniti) Tuhan di dunia. Oleh itu, setiap pasangan suami isteri adalah bertanggungjawab ke atas pasangan masing-masing. Justeru, mereka tidak perlu bersaing sesama sendiri tetapi mereka adalah pasangan yang saling melengkapi antara satu sama lain untuk membina keluarga bahagia.²⁹
- iii. Perkahwinan di dalam agama Kristian bukan sahaja meramaikan umat Kristian tetapi juga umat manusia. Gereja adalah tempat untuk membina institusi ini bagi membentuk tanggungjawab terhadap masyarakat melalui perkahwinan. Selain itu, gereja berfungsi membangunkan anak-anak menjadi masyarakat yang baik melalui proses-proses yang terdapat di dalam perjanjian perkahwinan.³⁰

²⁷ Temuramah dengan **Paderi Edward** pada tarikh 11 Februari 2006. Juga temuramah dengan **Ustaz Mohd Shariff Robin Abdullah**, seorang Pegawai di Jabatan Agama Islam Sarawak bertempat di Perpustakaan Negeri Sarawak pada tarikh 27 Mei 2006 jam 10.00 pagi.

²⁸ Mircea Eliade, *The Encyclopedia of Religion, op.cit.*, vol. 9, hal 218

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

3.2.5 Tujuan dan Matlamat Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik

Tujuan dan matlamat perkahwinan di dalam agama Kristian ialah³¹:

- i. Sebagai pelaksana tugas Tuhan iaitu suatu amanah daripada Tuhan yang perlu dilaksanakan oleh umat manusia.
- ii. Untuk mengembangkan zuriat atau beranak cucu. Kebanyakan pasangan berkahwin untuk mendapatkan zuriat dan membesarkan mereka bersama-sama. Suami dan isteri dikehendaki oleh undang-undang (mahkamah) untuk menjaga dan melindungi anak-anak mereka.³²
- iii. Untuk membolehkan seksualiti (persetubuhan) berlaku menurut saluran yang sah di dalam agama Kristian. Jelasnya, perkahwinan di dalam agama Kristian bertujuan untuk berkongsi hubungan seksual.³³ Perkahwinan juga bertujuan agar pasangan saling membantu dan menikmati kepuasan dalam hubungan seksual secara sah.³⁴ Hubungan seksual dalam perkahwinan adalah suci, baik dan diberkati oleh Tuhan.³⁵

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ *The World Book Encyclopedia, op.cit.*, hal. 219

³⁴ *New Catholic Encyclopedia, op.cit.*, hal. 271

³⁵ John Mack, Father, (1996), *Preserve Them, O Lord*, California Press : CONCILIAR PRESS, hal. 116

- iv. Perkahwinan merupakan salah satu asas kepada kehidupan berkeluarga³⁶ melalui pembangunan konsep perkahwina sebagai asas pembentukan masyarakat.³⁷ Justeru melalui perkahwinan akan membina sistem kekeluargaan yang kukuh serta diiktiraf oleh masyarakat dan gereja. Justeru atas dasar itu perceraian di dalam agama Kristian adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- v. Perkahwinan merupakan 'seruan' ataupun 'panggilan' daripada Tuhan dengan tujuan untuk mendidik anak-anak hasil perkahwinan supaya lebih mengenali Tuhan selain mengenali dunia dan juga ilmu pengetahuan.

Oleh itu, perkahwinan bertujuan mewujudkan asas kesinambungan keluarga, kekeluargaan dan masyarakat melalui pembiakan zuriat serta keturunan bagi membentuk satu hubungan masyarakat berintegrasi³⁸ yang menjunjung imej tuhan dalam pembentukan komuniti dan berasaskan ajaran Kristian.

3.2.6 Bentuk Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik

Menurut undang-undang agama Kristian bentuk perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik hanya dibenarkan pada satu bentuk perkahwinan sahaja iaitu

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*, hal. 149

³⁸ *The Encyclopedia of Religion, op.cit.*, hal 218

berkahwin seorang sahaja antara seorang lelaki dengan seorang perempuan iaitu monogami(*monogamy*). Ini bermaksud perkahwinan ramai (*poligamy*) adalah tidak dibenarkan sama sekali di dalam agama Kristian terutamanya dalam agama Kristian Roman Katholik.³⁹

Pada dasarnya undang-undang perkahwinan agama Kristian Roman Katholik adalah berpandukan tiga sumber seperti dinyatakan sebelum ini, iaitu; Kitab Bible, Undang-undang Gereja yang dinamakan '*Canon Law*' dan juga Undang-undang Sivil. Menurut Undang-undang '*Canon Law*', perkahwinan penganut agama Kristian Roman Katholik mesti didaftarkan di tempat asal dibaptiskan, namun sekiranya berkahwin di tempat selain dari tempat individu tersebut dibaptiskan, maka terlebih dahulu hendaklah dimaklumkan kepada gereja pembaptisan yang asal untuk mendapatkan sijil yang menyatakan individu tersebut bebas untuk berkahwin. Ini bertujuan supaya tidak berlakunya perkahwinan kali kedua kerana hanya perkahwinan monogami sahaja diiktiraf dan dibenarkan oleh Roman Katholik. Setelah itu, butir-butir perkahwinan akan diisi oleh pihak gereja dan dihantar ke JPN untuk diproses⁴⁰.

Pendaftaran perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) perlu dilaksanakan iaitu di bawah undang-undang perkahwinan dan perceraian Orang Bukan Islam (Non-Muslim). Justeru, semua agama selain penganut agama Islam tertakhluk kepada peraturan ini, namun pengupacaraan perkahwinan tersebut bebas mengikut adat resam agama masing-masing samada di Gereja, Kuil dan sebagainya. Walaubagaimana

³⁹ *Ibid.*, hal. 270

⁴⁰ Temubual dengan Paderi William Sabang, *op.cit.*.

pun perkahwinan semua agama tersebut termasuk perkahwinan agama Kristian Roman Katholik adalah berbentuk monogami.⁴¹

Di dalam agama Kristian Roman Katholik pengkategorian dua ciri utama dalam konteks pembentukan perkahwinan amat dititikberatkan, iaitu konsep penyatuan (*unity*) dan tidak boleh dimansuhkan (*indissolubility*) di dalam sesebuah perkahwinan. Perkahwinan merupakan penyatuan antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Justeru, menurut agama Kristian Tuhan (Pencipta) telah mencadangkan *monogamy* (berkahwin seorang sahaja) sebagai peraturan dalam perkahwinan dan bukannya *poligamy* (berkahwin lebih dari seorang).⁴²

Undang-undang perkahwinan agama Kristian Roman Katholik hanya mengiktiraf bentuk perkahwinan monogami manakala poligami tidak dibolehkan memandangkan matlamat akhir sebuah perkahwinan ialah penjagaan sempurna ke atas anak-anak. Ini kerana menurut agama Kristian Roman Katholik poligami hanya akan menyebabkan anak-anak terabai secara mental dan fizikal serta mendatangkan banyak implikasi buruk terhadap kehidupan berumahtangga. Contohnya keadaan rumahtangga menjadi tidak stabil akibat perlu berkongsi pendapatan dan kasih sayang antara isteri-isteri dan anak-anak hasil perkongsian poligami tadi. Ia berkait dengan ciri penyatuan tadi yang mana perkahwinan merupakan penyatuan antara seorang lelaki dan seorang

⁴¹Sila Rujuk Undang-undang Malaysia, *Akta Membaharui undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) & Kaedah-kaedah*. Hanya perkahwinan Monogami dibenarkan di bawah Perkahwinan Monogami seksyen 5-8.

⁴² Mircea Eliade, (t.t) *The Encyclopedia of Religion, op.cit*, vol, 9, hal *hal. 270*

perempuan yang disatukan oleh tuhan. Jadi ia tidak boleh dipisah atau diceraikan sama sekali.⁴³

Begitu juga ciri ‘tidak boleh dimansuhkan’ ditekankan dalam sesebuah perkawinan agama Kristian kerana meskipun perceraian memberi kesan baik sekalipun namun ianya hanya berpihak kepada suami isteri tersebut bukan kepada anak-anak. Ia akan merosakkan anak-anak. Maka atas dasar ini perceraian di dalam agama Kristian Roman Katholik adalah tidak dibolehkan sama sekali.⁴⁴ Justeru, perkahwinan dalam Roman Katholik dianggap suatu yang suci.

3.3 Prinsip Asas Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik

3.3.1 Pemilihan pasangan

Umumnya bagi penganut agama Kristian khususnya aliran Roman Katholik, pemilihan pasangan hidup adalah berdasarkan kepercayaan dan kesamaan dalam sesuatu sudut. Kebanyakan pasangan lelaki dan perempuan berkahwin dengan orang yang tinggal berdekatan dengan mereka atau sesiapa sahaja yang bekerjasama atau belajar bersama. Kebanyakan mereka juga memilih untuk hidup bersama dengan sesiapa yang mereka sukai dan menarik. Kebiasaannya kebanyakan individu memilih untuk berkahwin dengan orang yang sama taraf samada dari segi bangsa, kumpulan

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

etnik dan agama. Justeru kaum lelaki dan perempuan lebih suka untuk berkahwin jika mereka mempunyai kesamaan dari segi sosial dan latar belakang pembelajaran. Oleh yang demikian mereka juga gemar dan cenderung untuk berkahwin dengan pasangan yang sebaya umur.⁴⁵ Ini kerana agama Kristian Roman Katholik tidak menetapkan syarat-syarat khusus dalam memilih pasangan asalkan masing-masing saling menyukai dan bersesuaian. Justeru pemilihan pasangan boleh berlaku dalam beberapa bentuk iaitu antara sesama penganut Roman Katholik, antara penganut Roman Katholik dengan bukan Roman Katholik ataupun antara penganut Roman Katholik dengan penganut agama lain.⁴⁶

3.3.2 Pertunangan (*bethrotal*)

Secara umumnya semua budaya di dunia bersetuju bahawa tempoh pertunangan dan perkahwinan merupakan fasa perubahan yang genting dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, ia biasanya diadakan dengan mengadakan upacara-upacara tertentu dan kebanyakan upacara tersebut hampir serupa di seluruh dunia. Di dalam tempoh pertunangan merupakan persediaan pasangan dalam membuat perancangan teliti majlis perkahwinan termasuklah tarikh perkahwinan, pakaian pengantin, pengapit dan sebagainya. Namun dalam tempoh tersebut pasangan tidak digalakkan melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin.⁴⁷

⁴⁵ *Ibid*

⁴⁶ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal 133

⁴⁷ John Mack, Father, (1996), *op.cit.*, hal. 7

Di kebanyakan tempat (kerajaan) mengambil masa dalam tiga atau lima hari antara hari pasangan memohon lesen dan hari mereka akan berkahwin. Tempoh masa ini diberikan untuk memastikan mereka akan dan mahu berkahwin. Tempoh masa menunggu (penungguan) ini telah dicipta dari budaya Roman Katholik. Di kalangan penganut Roman Katholik dikehendaki mengumumkan mengenai pertunangan mereka kepada orang ramai sekurang-kurangnya tiga kali hari Ahad (tiga minggu) sebelum hari perkahwinan. Antara pengumuman kali pertama dan hari perkahwinan, sesiapa yang percaya bahawa pasangan ini tidak akan berkahwin diharapkan untuk berkata demikian. Pada zaman sekarang sesetengah pasangan mengumumkan pertunangan mereka di perkhidmatan gereja atau melalui buletin gereja. Pengumuman jenis ini dinamakan pengumuman perkahwinan di gereja.⁴⁸

3.3.3 Akad (Lafaz) Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik.

Asas akad perkahwinan di dalam agama Kristian ialah perjanjian (Lafaz). Asas perjanjian kebiasaannya dibuat di gereja. Menurut amalan agama Kristian upacara melaksanakan akad perjanjian perkahwinan mesti dilaksanakan di gereja. Namun bagi perkahwinan yang di luar kebiasaan dan tidak mahu mengadakan perkahwinan di gereja ia boleh diadakan selain di gereja ataupun di tempat-tempat tertentu yang dipilih. Caranya ialah mereka hendaklah memohon dan menulis surat kepada Jabatan

⁴⁸ *The World Book Encyclopedia, op.cit*, hal.220

Pendaftaran Negara (JPN) untuk membenarkan perkahwinan dilakukan di tempat lain⁴⁹.

Contoh Perjanjian Nikah (Rumus A & B)⁵⁰

Rumus A (Dengan Perjabatatan Tangan)

Paderi : Maka tibalah saatnya untuk merasmikan perkahwinan saudara. Saya persilakan saudara berjabatatan tangan sambil mengucapkan perjanjian nikah satu persatu.

Lelaki : N, (Nama Mempelai Perempuan)

Saya memilih engkau menjadi isteri saya.

Saya berjanji setia kepadamu dalam untung dan malang,

Di waktu sihat dan sakit,

Dan saya mahu mencintai dan menghormati engkau,

Seumur hidup.

Perempuan : N, (Nama Mempelai Lelaki)

Saya memilih engkau menjadi suami saya.

Saya berjanji setia kepadamu dalam untung dan malang,

⁴⁹ Temuramah dengan **Paderi Edward** bertempat di Gereja St. Joseph (*Catholic Church*), Kuching, Sarawak tarikh 11 Februari 2006, jam 10.00 pagi.

⁵⁰ Contoh Rumus ini dipetik dari buku *Upacara Perkahwinan* Katedral St. Joseph, Kuching, Sarawak

Di waktu sihat dan sakit,
Dan saya mahu mencintai dan menghormati engkau,
Seumur hidup.

Rumus B (Perjanjian Nikah Ditanyakan Oleh Paderi ⁵¹)

Paderi : Maka tibalah saatnya untuk merasmikan perkahwinan saudara. Sekarang berikanlah tangan kepada seorang yang lain. Saya persilakan saudara masing-masing menjawab pertanyaan saya.

(Kepada Mempelai Lelaki) N. Mahukah saudari menikah dengan N yang hadir di sini dan mencintainya dengan setia seumur hidup, baik dalam suka mahupun dalam duka?

Lelaki : Ya, Saya mahu.

Paderi : (Kepada Mempelai Perempuan) N. Mahukah saudari menikah dengan N, yang hadir di sini dan mencintainya dengan setia seumur hidup, baik dalam suka mahupun dalam duka?

Perempuan : Ya, saya mahu.

⁵¹ Merujuk kepada paderi yang menjalankan upacara perjanjian nikah tersebut

Perjanjian Nikah di atas merupakan satu upacara terpenting (intipati) yang merupakan acara perasmian perkahwinan agama Kristian. Sebelum perjanjian tersebut dilafazkan, paderi terlebih dahulu mengingatkan pengantin lelaki dan perempuan tentang persetujuan untuk berkahwin dan kesediaan untuk menerima tanggungjawab sebagai suami isteri seikhlas hati, mengingatkan tanggungjawab terhadap zuriat yang bakal dilahirkan serta mendidik mereka supaya taat kepada agama Kristian. Kemudian diteruskan dengan upacara pemberkatan perkahwinan oleh paderi dan diikuti pula dengan upacara pemberkatan cincin-cincin. Kemudian diiringi bacaan doa umat oleh paderi yang di“amin”kan oleh hadirin yang hadir. Akhir sekali diikuti upacara 'Liturgi Ekaristi' yang terkandung di dalamnya persiapan persembahan, doa persembahan dan lain-lain yang berkaitan.⁵²

Sebaliknya di dalam hal-hal tertentu lafaz akad perjanjian nikah ini tidak diperlukan bagi mengesahkan perkahwinan khususnya di negara-negara Barat seperti Amerika dan lain-lain. Perkahwinan ini dinamakan perkahwinan Adat Resam (*Common-Law Marriage*). Perkahwinan ini merujuk kepada pasangan yang tidak berkahwin tetapi telah tinggal sebumbung dalam satu tempoh yang lama maka mahkamah akan mengisytiharkan mereka sudah berkahwin. Tempoh yang dimaksudkan itu bergantung kepada undang-undang perkahwinan sesebuah negara itu. Ia biasanya ditetapkan dalam beberapa tahun. Pasangan itu juga tidak memerlukan lesen atau upacara perkahwinan (keagamaan) sekiranya mereka berkahwin mengikut undang-undang perkahwinan tersebut.⁵³ Namun perkahwinan ini mempunyai masalah

⁵² Dipetik dari Buku *Upacara Perkahwinan* Katedral St. Joseph, Kuching, Sarawak

⁵³ *The World Book Enclopedia, op.cit.*, hal.221

apabila pasangan hendak bercerai dan berkahwin lain (*remarriage*). Ini kerana perceraian sukar diperolehi kerana sukar untuk membuktikan perkahwinan itu pernah wujud. Disebabkan banyak masalah yang timbul, maka perkahwinan ini telah diharamkan di kebanyakan negeri.⁵⁴

3.3.4 Undang-undang Berkaitan Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik

3.3.4 (a) Undang-undang Berkaitan Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik (Secara Umum)

Umumnya, bagi Gereja Kristian Roman Katholik persetujuan atau kebenaran daripada kedua ibubapa tidak diperlukan dalam membina sesebuah perkahwinan tetapi bagi Mazhab Protestant kebenaran ibubapa adalah sangat penting terutama bagi pasangan yang di bawah umur.⁵⁵ Bagi kaum lelaki dan wanita dikehendaki mengikut peraturan tertentu yang telah ditetapkan apabila mereka hendak berkahwin. Walaupun kebanyakan bangsa mempunyai undang-undang perkahwinan yang sama,⁵⁶ akan tetapi di sesetengah tempat mempunyai peraturan tersendiri terutamanya had umur dibenarkan berkahwin⁵⁷.

⁵⁴ *The Enclopedia Americana, op.cit.*, hal. 351

⁵⁵ Paul F. Grendler (Editor in chief) (1999), *Enclopedia Of The Renaissance*, Pub: In Association With The Renaissance Society Of America, Pub: Charles Scribner's Sons : New York, vol. 4, hal.52

⁵⁶ Negara Amerika dan Kanada mempunyai undang-undang yang sama dalam perkahwinan.

⁵⁷ Ke semua negara kecuali di empat buah negara, lelaki dan perempuan mesti mencapai umur lebih kurang 18 tahun untuk berkahwin tanpa persetujuan ibu bapa. Contohnya di Nebraska dan Wyoming membenarkan perkahwinan dalam usia 19 tahun. Manakala di Mississippi dan Pulau Rhode mempunyai

Sehubungan dengan undang-undang tersebut, kedua-dua pasangan hendaklah bersetuju untuk berkahwin. Jika terdapat paksaan ataupun penipuan kedua-dua sama ada lelaki atau wanita, mereka boleh tidak bersetuju untuk berkahwin dengan pasangan masing-masing. Seterusnya dalam undang-undang *state* pula melarang perkahwinan antara saudara terdekat. Undang-undang itu juga melarang seseorang berkahwin dengan mereka yang telah berkahwin sebelum itu dengan seseorang yang lain, seseorang yang berkahwin untuk kali kedua sementara perkahwinan pertama.⁵⁸

3.3.4 (b) Halangan-halangan Perkahwinan yang Ditetapkan oleh *Canon Law*.⁵⁹

(i) *Disparity of Cult* – Perkahwinan yang hanya bertentangan dengan mazhab sahaja seperti perkahwinan antara mazhab Katholik dengan mazhab Non-Katholik.

(ii) *Holy Order* – Golongan *Sister* dan *Father* tidak boleh berkahwin. Amalan ini dinamakan sebagai '*Celibacy*'(Pembujangan)⁶⁰. Sekiranya

usia yang paling minimum 21 tahun untuk dibenarkan berkahwin. Kebanyakan tempat, membenarkan penduduk berkahwin dalam usia 16 tahun dengan keizinan ibu bapa. Manakala sesetengah tempat lagi seseorang yang berumur 16 tahun ke bawah memerlukan persetujuan hakim untuk berkahwin.

⁵⁸ *The World Book Encyclopedia, o.p.cit.*, hal.220

⁵⁹ . Dipetik daripada *Code of Canon Law* iaitu suatu peraturan atau undang-undang yang diguna pakai oleh pihak dalaman gereja (*the law internal church*) bagi penganut-penganut agama Kristian Roman Katholik, Anglikan dan Orthodox.

⁶⁰ Bagaimanapun di dalam ajaran Kristian amalan 'pembujangan' itu merupakan amalan kerohanian yang tertinggi dalam agama Kristian yang dianjurkan oleh St. Paul yang mana diwajibkan para paderi

hendak berkahwin mesti melepaskan gelaran sebagai *sister* atau *father* terlebih dahulu.

(iii) *Perpetual Vows* – Iaitu perjanjian untuk menjadi *Sister* atau *Father* di dalam agama Kristian Katholik yang tidak membenarkan mereka berkahwin.

(iv) *Adoption* – Sesiapa yang diculik atau dipaksa untuk berkahwin maka dalam perkara tersebut mereka boleh bercerai.

(v) **Crime (Jenayah Serius)** – Jika melakukan jenayah berat maka tidak dibenarkan untuk berkahwin.

(vi) *Consanguinity* – Iaitu pertalian darah di dalam keluarga seperti adik beradik, ibu, bapa, makcik, pakcik dan sebagainya. (bagi perkahwinan dengan '*first cousin*' pula hanya dibenarkan oleh Bishop⁶¹.

(vii) *Affinity* - Sesuatu hubungan pertalian yang rapat adalah tidak dibolehkan di dalam agama Kristian. Ini termasuklah perkahwinan antara pasangan yang mempunyai hubungan yang dekat seperti ibu

(*priests*) dan '*Nuns*' supaya tidak berkahwin. Bahkan di dalam agama Kristian Roman Katholik menganggap *nuns* sebagai pengantin kepada Jesus. Sila lihat *The Encyclopedia of Religion*, Vol 3, hal. 145

⁶¹ Ketua di gereja tempatan atau bahagian.

mertua yang mengahwini anak menantu (bekas) adalah tidak dibenarkan.

(viii) *Public Decency* (Kesopanan atau ketertiban Awam) – Segala perkara yang melibatkan kesopanan dan ketertiban awam akan diambil kira dalam meluluskan sesebuah permohonan perkahwinan seperti jika mempunyai ramai gundik atau perempuan simpanan adalah tidak dibenarkan untuk berkahwin. Sebelum berkahwin, berita perkahwinan akan dipampang atau disiarkan jika ada bantahan terhadap perkahwinan tersebut maka bantahan tersebut akan disiasat.

(ix) *Legal Adoption* - Pengambilan keluarga angkat melalui kesahihan undang-undang seperti mengambil anak angkat. Adik beradik angkat seperti adik atau abang angkat adalah tidak dibenarkan berkahwin menurut *Canon Law*.⁶²

3.3.5 Upacara / Majlis Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik.

3.3.5 (a) Pendahuluan

Semua agama di dunia ini mengakui bahawa perkahwinan itu sangat penting untuk mengelakkan daripada terjadinya perzinaan dan untuk membentuk nilai-nilai

⁶² Mircea Eliade, (t.t), *op.cit.*, hal 69

kerohanian (*spiritual*) di dalam sesebuah keluarga. Dalam tahun 1439, satu perjanjian suci telah dibuat di gereja Roman Katholik. Antara isi-isi dalam perjanjian tersebut ialah, mengiktiraf bahawa perkahwinan itu merupakan satu upacara yang suci untuk sebuah pasangan menghalalkan pertalian antara mereka.⁶³

Undang-undang agama Kristian Roman Katholik juga tidak membenarkan sama sekali para paderi gereja untuk berkahwin dan diseru supaya mengamalkan *celibacy* (membujang). Undang-undang tersebut dianggap memelihara kesucian kepaderian yang berasaskan daripada peristiwa Jesus Christ. Berbeza dengan penganut mazhab Protestant⁶⁴ pula berpendapat bahawa perkahwinan adalah suatu perhubungan yang diberkati tuhan dan merupakan satu ibadat ketaatan bagi kedua-dua mempelai. Justeru gereja Protestant menggalakkan paderinya berkahwin sehingga suatu reformasi⁶⁵ di mahkamah Gereja berlaku untuk mengesahkan undang-undang Perkahwinan bagi paderi-paderi ini.⁶⁶ Manakala hampir seluruh dunia meletakkan acara keagamaan merupakan satu keperluan dalam proses perkahwinan.⁶⁷

⁶³ Paul F. Grendler (Editor in chief),(1999), *op.cit.*, hal. 52

⁶⁴ Mazhab Protestant merupakan salah satu aliran di dalam agama Kristian yang dibawa oleh Martin Luther

⁶⁵ Reformasi Gereja ini yang dipelopori oleh Martin Luther seorang pemimpin Mazhab Protestant merupakan tindak balas besar-besaran terhadap Gereja Katholik terhadap beberapa undang-undang baru termasuk mengharamkan para paderi, *nuns* dan ahli Gereja daripada berkahwin.

⁶⁶ Paul F. Grendler (Editor in chief),(1999), *op.cit.*, hal. 52

⁶⁷ *The Enclopedia Americana*, *op.cit.*, hal. 349

3.3.5 (b) Upacara/ Majlis Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik

Setiap masyarakat di seluruh dunia mempunyai adat resam tertentu dalam upacara perkahwinan masing-masing. Kebanyakan upacara perkahwinan mengandungi dua syarat utama. Pertamanya pihak lelaki dan perempuan hendaklah bersetuju untuk menjadi pasangan suami isteri. Kedua, upacara itu hendaklah mempunyai saksi⁶⁸. Ini termasuklah orang yang bertanggungjawab menjalankan akad tersebut. Sekiranya pasangan itu ingin menjalankan upacara keagamaan yang tertentu dalam majlis perkahwinan, maka upacara itu akan diketuai oleh golongan yang bertanggungjawab dalam agama mereka. Jika mereka tidak berkahwin secara tradisi tetapi secara undang-undang, maka orang yang tertentu akan diberi kuasa untuk menjalankan upacara keagamaan itu. Di samping itu, kapten kapal juga bertanggungjawab untuk menjalankan upacara perkahwinan sekiranya kapal itu sedang belayar dalam suatu tempoh yang lama.⁶⁹

Upacara perkahwinan merupakan salah satu elemen penting yang mengesahkan sesebuah perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik. Ianya walaupun boleh dilonggarkan tetapi seharusnya ada dalam sesebuah perkahwinan Roman Katholik⁷⁰. Walaubagaimana pun upacara yang hendak diadakan oleh penganut agama Kristian Roman Katholik dan lain-lain agama (Non-Muslim), perkahwinan tersebut mesti didaftarkan terlebih dahulu di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum berlangsungnya upacara perkahwinan. Setiap pengupacaraan Perkahwinan bukan Islam

⁶⁸ *Sufra*, sila rujuk syarat-syarat perkahwinan agama Kristian dalam bab yang sama.

⁶⁹ *The World Book Encyclopedia, opcit.*, hal. 221

⁷⁰ *The Code of Canon Law-* C1108.1

di bawah seksyen 22(1) Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian (1976) Akta 164) memperuntukkan setiap perkahwinan di bawah akta tersebut hendaklah diupacarakan ⁷¹–

- (a) Di pejabat seorang pendaftar ⁷² dengan pintu terbuka antara pukul enam pagi dan tujuh petang;
- (b) Di mana-mana tempat selain daripada di pejabat seorang Pendaftar pada bila-bila waktu sebagaimana yang dibenarkan oleh sesuatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 21 (3) atau;
- (c) Di sesuatu gereja atau di rumah berhala atau di mana-mana tempat perkahwinan mengikut seksyen 24 pada bila-bila waktu sebagaimana dibenarkan oleh agama, adapt atau kelaziman yang dianuti atau diamalkan oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu.

Kebanyakan pasangan lebih suka mengadakan majlis perkahwinan mengikut adat dan tradisi. Sesetengah mereka juga ada yang turut menetapkan upacara tertentu dalam majlis itu nanti. Di dalam perkahwinan agama Kristian upacara bermula apabila pengiring (*ushers*) pengantin berjalan perlahan-lahan melalui bahagian tengah gereja (antara kerusi atau tempat duduk) sehingga ke satu meja (*altar*) yang tinggi di mana upacara perkahwinan berlangsung. Pengiring pengantin akan berdiri sebelah

⁷¹ Undang-undang Malaysia *Akta Membaharui undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) & Kaedah-kaedah, Opcit*, Seksyen 22 (1 & 2) hal 14

⁷² **Pendaftar Perkahwinan** adalah orang yang diberi kuasa dan dilantik secara sah oleh pihak berwajib untuk menjalankan perkahwinan secara sah di Pejabat Pendaftaran Negara Malaysia dan di Negeri-negeri seluruh Malaysia.

menyebelah semasa upacara berlangsung. Seterusnya pengantin lelaki akan masuk dan menunggu pengantin perempuan di meja (*altar*) yang tinggi tadi. Sementara pengantin perempuan pula akan berjalan bersama dengan ayahnya, saudara mara lelaki yang lain atau kenalan keluarganya melalui ruang tengah gereja.⁷³

Pengantin perempuan akan memakai pakaian putih menutup muka dengan kain yang jarang (*veil*) dan membawa bunga (*bouquet*). Setelah pengantin perempuan dilepaskan oleh ayahnya kepada pengantin lelaki di atas *altar*, seorang paderi akan melafazkan ikrar pernikahan di hadapan khalayak ramai. Selepas itu kontrak pernikahan ditandatangani oleh kedua-dua mempelai⁷⁴ Di atas *altar* (meja) tadi pasangan pengantin akan menukar perjanjian perkahwinan (lafaz)⁷⁵ dan menerima satu sama lain sebagai pasangan suami isteri. Seterusnya pengantin lelaki akan menyarungkan cincin ke jari kiri pengantin perempuan dan sebaliknya. Diikuti dengan pengantin lelaki memberi satu ciuman kepada pengantin perempuan.⁷⁶

Setelah selesai semuanya, satu tradisi jamuan makan diadakan diikuti dengan tari-menari, dan lagu-lagu. Kebanyakan penganut agama gereja Roman Katholik tidak setuju dengan adanya perkahwinan '*private*' yang dijalankan di gereja kecil. Berbeza dengan mazhab Protestant⁷⁷ yang mengharamkan kegunaan muzik, lagu-lagu dan acara tari-menari. Ini kerana ia merupakan suatu ikatan hubungan yang diberkati tuhan dan satu ibadat yang tidak harus dicemarkan dengan lagu-lagu dan tarian. Walau

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ Paul F. Grendler (Editor in chief),(1999), *op.cit.*, hal. 52

⁷⁵ Lihat di ruangan lafaz perjanjian kahwin.

⁷⁶ *Op.cit.*, hal. 52

⁷⁷ *Ibid*

bagaimanapun pada zaman sekarang kebanyakan amalan-amalan popular yang keterlaluan tidak lagi diamalkan di majlis-majlis perkahwinan penganut agama Kristian.⁷⁸

Sesetengah masyarakat dalam komuniti agama Kristian menambah beberapa upacara penting di dalam majlis perkahwinan mereka. Seperti kebanyakan bangsa Roman Katholik mengadakan majlis perkahwinan dalam tempoh '*Mass*' di dalam upacara tersebut mereka akan makan roti dan minum arak bersama kerana mengingati *Christ* yang telah memakannya sebelum dia meninggal. Kesimpulannya perkahwinan adalah upacara yang paling penting di gereja Roman Katholik dan Orthodox barat.⁷⁹

⁷⁸ *Ibid*

⁷⁹ *Ibid*. Lihat juga Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 84

3.4 Proses Pembubaran Perkahwinan (Perceraian) dan Hak / Hukum yang Berkait dengan Masalah Perceraian dalam Agama Kristian Roman Katholik.

3.4.1 Proses Pembubaran Perkahwinan dalam Agama Kristian Roman Katholik.

3.4.1 (a) Faktor Pembubaran Perkahwinan

Pada dasarnya perceraian atau membubarkan sesebuah perkahwinan di dalam agama Kristian adalah tidak dibenarkan sama sekali. Di dalam Santo-Mathews⁸⁰ berbunyi :

“ Some Pharisees came to him to test him.They asked, 'Is it lawful For a man to divorce his wife for any and every reason?' 'Haven't you read,' he replied, 'that at the beginning the Creator 'made them male and female,' And said, 'For this reason a man will leave his father and mother and be united to his wife, and the two will become one flesh'? So they are no longer two, but one. Therefore what God has joined together, let man not separate.' 'Why then,' they asked, 'did Moses command that a man give his wife a certificate of divorce and send her away?' Jesus replied, 'Moses permitted you to divorce your wives Because your hearts were hard. But it was not this way from the beginning.’”

Maka daripada pernyataan dalam Bible tersebut menyatakan bahawa di mata tuhan lelaki dan perempuan adalah sama taraf dan darjat. Pernyataan tersebut juga menjadi bukti yang perceraian adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam agama

⁸⁰ Sila rujuk *Santo-Mathews*, 19 : 3-8

Kristian Roman Katholik atas alasan suami dan isteri telah disatukan oleh Tuhan melalui perkahwinan. Jesus Christ berpegang teguh bahawa asal perkahwinan adalah dalam perancangan Pencipta (Tuhan). Oleh itu ianya tidak boleh dirungkai sama sekali. Selain itu, perceraian dalam Roman Katholik merupakan salah satu dosa dan kesalahan berat yang berlawanan dengan kemuliaan perkahwinan. Ianya melanggar perjanjian yang telah dibuat oleh dua individu untuk hidup bersama di hadapan Tuhan sehingga ke akhir hayat.⁸¹ Justeru tiada apa-apa pun yang dapat memisahkan mereka selain mati (*death*) sebagaimana dokumen Katholik Tahun 1983 menyatakan ⁸²:

"A ratified and consummated marriage cannot be dissolved by any human power or for any reason other than death:

(Codex Iuris Canonici)

Menurut ajaran Jesus Christ tidak harus bercerai melainkan dengan berzina. Pernyataan Bible yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa di dalam ajaran agama Kristian tidak dibenarkan bercerai walau dalam keadaan apa sekalipun pun melainkan dengan sebab si suami atau isteri telah berlaku curang ataupun berzina ⁸³ seperti mana pernyataan berikut:

"It has been said, 'Anyone who divorces his wife must give her a certificate of divorce. 'But I tell you that anyone who divorces his wife, except for marital unfaithfulness, causes her to become an adulteress, and anyone who marries the divorced woman commits adultery.'"

⁸¹ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 136

⁸² *Ibid* dan juga *Code of Canon Law- C1141*

⁸³ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal 136. Sila Rujuk *Santo-Matthews*, 5:31-32

Penyataan di atas adalah disebutkan setelah Bible menyebut bahawa orang-orang yang bercerai dan berkahwin dengan yang lain, atau berkahwin dengan perempuan yang bercerai adalah dianggap penzinaan.⁸⁴

Perceraian di dalam agama Kristian Roman Katholik juga dinamakan perceraian Sivil. Ini kerana ia berpandukan kepada Undang-undang Sivil yang diguna pakai oleh penganut agama Kristian di seluruh dunia. Perceraian ialah perpisahan antara suami dan isteri yang diiktiraf oleh Undang-undang dan yang mengakibatkan si suami atau isteri yang diiktiraf oleh Undang-undang itu bercerai serta boleh berkahwin lain.⁸⁵ Perzinaan merupakan sebab utama yang membolehkan perceraian berlaku dalam Roman Katholik. Zina merupakan kesalahan jenayah atau dosa kepada pasangan kerana telah memungkiri janji yang telah dimeterai di hadapan Tuhan pada masa perkahwinan.⁸⁶

3.4.1 (b) Syarat Pembubaran Perkahwinan

Pembubaran Perkahwinan cuma boleh diluluskan oleh *Pope* (Ketua dalam Agama Kristian Katholik). *Pope* akan mengetuai satu tribunal undang-undang yang

⁸⁴ Michael Keene, (1995), *ibid.*, hal. 136

⁸⁵ Umami Kamariah Majid (1992), *Undang-undang Keluarga di Malaysia*, Malaysia, Singapore, Hong Kong : Butterworths, Asia, hal. 77

⁸⁶ Michael Keene, (1995), *op.cit.* hal. 136

menghakimi kes-kes perceraian dan kes-kes serius lain. Tribunal ⁸⁷ tersebut terdiri daripada hakim, juri, saksi dan lain-lain.⁸⁸ Antara perkara-perkara yang dihakimi ialah:

- (i) Pihak lelaki atau perempuan merahsiakan sesuatu yang bertentangan dengan *Canon Law*, contohnya si isteri atau suami dipaksa untuk berkahwin.

- (ii) Ketidakupayaan, kemandulan, mati pucuk (***Impotence***). Iaitu lelaki atau perempuan yang tidak boleh membuat hubungan dengan suami atau isteri mereka. Jika terdapat di dalam sesebuah perkahwinan tersebut si suami atau isteri merahsiakan diri mereka mandul (***impotence***) dan seandainya siasatan oleh tribunal sememangnya menunjukkan sedemikian, maka perceraian boleh dilaksanakan.

Justeru dalam kes-kes berhubung perkahwinan dan perceraian agama Kristian kebanyakannya berpandukan Undang-undang Sivil dan disokong oleh adat-adat khusus di sesuatu tempat tersebut. Antara bidang kuasa spesifik Mahkamah Tinggi di Malaysia, dalam kes-kes Sivil ialah ⁸⁹;

- (i) Bidang kuasa di bawah mana-mana Undang-undang bertulis yang berhubung dengan perceraian dan kausa hal ehwal suami isteri

⁸⁷ Tribunal Undang-undang di dalam agama Kristian ialah satu badan yang akan menghakimi dan menyiasat sesuatu kes-kes serius seperti kes perceraian dan sebagainya.

⁸⁸ Temuramah dengan **Paderi Edward, *op.cit.***, pada 11 Februari 2006, temuramah dengan **Ustaz Mohd Sharif Robin Abdullah, *op.cit.***, pada 27 Mei 2006. Temuramah dengan **Paderi William Sabang, *op.cit.*** pada tarikh 27 Mac 2010.

⁸⁹ Sila rujuk ***Seksyen 24, Akta Mahkamah Kehakiman 1964.***

- (ii) Bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga budak-budak dan pada amnya atas diri dan harta budak-budak.

3.4.1 (c) Kaedah/ Cara Pembubaran Perkahwinan

Kaedah atau cara melaksanakan perceraian di dalam agama Kristian ialah mengikut Undang-undang Sivil sepenuhnya. Badan yang melaksanakan proses pembubaran ini dinamakan 'Tribunal Undang-undang Kristian' yang akan menghakimi serta menyiasat dari awal seperti punca permohonan perceraian sehingga ke akhir kes perceraian. Maka hanya melalui dan hanya melalui Undang-undang Sivil sahaja sesebuah perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik dapat dibubarkan setelah melalui proses perbicaraan dan penyiasatan oleh badan terbabit.⁹⁰

Memandangkan perkahwinan Undang-undang Sivil berbentuk '*monogamy*' (seorang lelaki atau seorang perempuan), maka hanya melalui perceraian sahaja dianggap sebagai salah satu alasan membolehkan seorang lelaki atau perempuan tersebut berkahwin dengan orang lain. Justeru di dalam Undang-undang Sivil tiada peruntukan yang menyatakan bahawa suami mempunyai hak untuk menceraikan isterinya. Ini bermakna isteri mempunyai hak sama rata seperti mana suami dalam membubarkan perkahwinan mereka.⁹¹

⁹⁰ Temuramah dengan **Ustaz Mohd. Sharif Robin Abdullah** pada 27 Mei 2006.

⁹¹ Awg Hidzel Bin Awg Bujang (1991), "Prinsip dan Asas Perceraian : Perbandingan Antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam", (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Universiti Malaya), hal. 74.

3.4.2 Hak / Hukum yang Berkait Masalah Perceraian di dalam Agama Kristian Roman Katholik

3.4.2 (a) Hak Wanita Dalam Pemberian Nafkah Setelah Bercerai

Oleh kerana di dalam agama Kristian Roman Katholik tidak membenarkan sama sekali serta tidak mengiktiraf perceraian maka tiada undang-undang khusus diperuntukkan sama ada dalam kitab Bible ataupun *Canon Law (The Law Internal Church)* bagi mengurus hak atau hukum yang berlaku selepas perceraian. Ini bermakna hak dan hukum yang berlaku selepas perceraian seperti pemberian nafkah kepada isteri atau suami, hak pemilikan harta, hak penjagaan anak dan lain-lain adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa perundangan Sivil. Ini dijelaskan di dalam *Code of Canon Law* yang menyatakan sekiranya hukum dan undang-undang tersebut tiada dalam hukum gereja (*Canon Law*), maka undang-undang Sivil berkuasa sepertimana undang-undang Gereja (*Canon Law*) tersebut dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan hukum Tuhan (Bible). Namun sekiranya ia terdapat di dalam kedua-dua (Sivil dan *Canon Law*) maka dalam hal tersebut hukum '*Canon Law*' yang mesti dipatuhi⁹².

Justeru di dalam Undang-undang Sivil pemberian nafkah oleh bekas suami bergantung kepada persetujuan darinya. Sekiranya dalam perjanjian perceraian suami bersetuju membayar nafkah maka ia wajib menunaikannya. Sekiranya suami tidak

⁹² *Code of Canon Law* – 22 dan temubual dengan Paderi William Sabang, *op.cit.*

bersetuju atau enggan, maka mahkamah tidak boleh mengeluarkan perintah pembayaran nafkah kepada bekas isteri.

Mahkamah diberi kuasa untuk memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Ia terkandung di dalam peruntukan Seksyen 77 (1) Akta 164 seperti berikut :

- i. Dalam masa perjalanan perbicaraan hal ehwal berkahwin.
- ii. Apabila memberi atau selepas daripada memberi sesuatu dekri perceraian atau perpisahan kehakiman.
- iii. Jika, selepas sesuatu dekri menetapkan isteri atau bekas isterinya itu dianggap sebagai mati, isteri atau bekas isteri itu didapati masih hidup.

Berdasarkan Seksyen di atas jelas bahawa seseorang isteri yang telah diceraikan boleh menuntut nafkah daripada bekas suaminya di mahkamah. Namun Akta 164 dalam satu petisyen perceraian, beberapa perkara atau maklumat perlu dinyatakan iaitu tentang syarat-syarat sesuatu perjanjian, berkenaan dengan nafkah bagi isteri atau pihak tanggungan dan anak-anak jika ada dari perkahwinan itu ⁹³ samada kedua-dua pihak setuju untuk membayar nafkah adalah perlu untuk dinyatakan dalam petisyen tersebut.

Walaupun pembayaran nafkah isteri yang telah diceraikan bukan menjadi kewajipan kepada bekas suaminya lebih-lebih lagi jika si isteri berkemampuan, namun si suami tersebut berkewajipan memberi tunggakan nafkah yang tidak dibayar semasa

⁹³ Sila rujuk *Seksyen 57 (1) (c) Akta 164*

dalam perkahwinan. Namun demikian, tuntutan terhadap tunggakan nafkah ini hanya boleh dituntut sehingga tiga tahun kebelakangan sahaja dan tidak boleh lebih daripada itu.⁹⁴ Justeru isteri berhak untuk membuat tuntutan di mahkamah dan suami pula berkewajipan membayarnya.

Kesimpulannya, hak untuk nafkah termaktub dalam Seksyen 3 Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seseorang untuk memberi elaun bulanan untuk nafkah isteri atau anaknya. Suami boleh diperintahkan membayar nafkah dalam kadar yang bersesuaian dengan kemampuan⁹⁵ yang mahkamah anggap munasabah⁹⁶.

Manakala tempoh pembayaran nafkah menurut Seksyen 82 Akta 164, hak bagi seseorang yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada bekas suami atau isteri di bawah suatu perintah mahkamah hendaklah terhenti apabila orang itu berkahwin atau hidup dalam perzinaan dengan seseorang yang lain.⁹⁷ Berdasarkan Seksyen tersebut, tempoh bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk mendapat nafkah daripada bekas suami terhenti apabila ia telah berkahwin dengan orang lain atau hidup dalam perzinaan dengan orang lain.

⁹⁴ Sila rujuk *Seksyen 86 Akta 164*

⁹⁵ Apa yang dimaksudkan 'mengikut kadar kemampuan' atau 'dianggap munasabah' sebagaimana di dalam *Seksyen 78 Akta Membarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (AMU)*, mahkamah memberi pertimbangan kepada kemampuan dan keperluan masing-masing dengan tidak mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan suami atau isteri. Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada darjah tanggungjawab yang diperuntukkan oleh mahkamah kepada tiap-tiap satu pihak terhadap kepecah belahan perkahwinan itu.

⁹⁶ Sila rujuk *Seksyen 3 (1) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950*.

⁹⁷ Sila rujuk *Seksyen - kecil (2)* menyatakan melainkan jika telah dibuat suatu perjanjian memperuntukkan selainnya. (Maka nafkah boleh terus dibayar sebagaimana dalam perjanjian yang dibuat tersebut).

3.4.2 (b) Hak dalam Harta dan Pemilikan

Penentuan hak ke atas harta setelah berlakunya perceraian di dalam agama Kristian adalah sepenuhnya dilakukan oleh Mahkamah Sivil (Undang-undang Sivil). Walau bagaimanapun, di kebanyakan tempat misalnya di pedalaman negeri Sarawak (Malaysia) dan lain-lain tempat kuasa untuk membahagikan harta di kalangan penganut agama Kristian Katholik adalah mengikut adat dan ia ditentukan oleh ketua di sesuatu tempat seperti Penghulu atau Pemanca. Maka merekalah yang akan menetapkan berapa jumlah yang akan diberikan kepada suami atau isteri dan juga waris yang terlibat dalam pembahagian harta tersebut.⁹⁸

Selain itu, hak wanita bukan Islam (penganut agama Kristian Roman Katholik termasuk di dalam bahagian ini) di dalam Undang-undang Sivil berhubung dengan pembahagian aset perkahwinan atau harta sepencarian adalah sama seperti yang diperuntukkan bagi wanita Islam. Peruntukan bagi wanita bukan Islam terkandung dalam Seksyen 76 Akta 164 yang mana dalam Seksyen – kecil (1) menyatakan mahkamah diberi kuasa apabila memberi sesuatu dekri perceraian atau perpisahan, kehakiman memerintahkan pembahagian antara pihak-pihak itu apa-apa aset yang mereka perolehi dalam masa perkahwinan itu dengan usaha-usaha bersama atau memerintahkan penjualan mana-mana aset itu dan pembahagian hasil jualan itu antara pihak-pihak tersebut.

⁹⁸ Temuramah bersama **Ustaz Mohd. Sharif Robin Abdullah** pada 26 Mei 2006

3.4.2 (c) Hak Penjagaan Anak / Waris

Berhubung hak penjagaan anak, Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil memperuntukkan hak yang sama kepada ibu di mana mereka mempunyai hak yang mutlak terhadap anaknya yang belum cukup umur (tujuh tahun) kecuali terdapat sebab-sebab yang menghalang ibu untuk mendapatkan hak tersebut.

Begitu juga hak penjagaan anak oleh pasangan yang bercerai akan ditentukan oleh Undang-undang Mahkamah Sivil. Kes penjagaan anak akan disiasat serta dibicarakan di Mahkamah Sivil dalam tempoh masa tertentu dan Mahkamah akan menentukan siapa yang lebih berhak dan layak menjaga anak tersebut melalui penilaian serta garis tertentu. Ia perlu untuk menjaga *priority* dari segi keharmonian, keselesaan dan masa depan anak tersebut.⁹⁹

Sepertimana disebut di atas, antara bidang kuasa spesifik Mahkamah Tinggi di Malaysia, dalam kes-kes Sivil berhubung kuasa untuk melantik penjaga dan pengawal kanak-kanak setelah ibu bapa bercerai dan sebagainya termasuk dalam Seksyen 24 (b) iaitu di dalam ‘Bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga budak-budak dan pada amnya atas diri dan harta budak-budak’ tersebut. Jelasnya, wanita bukan Islam mempunyai hak dalam penjagaan anak sekiranya bercerai. Ia termaktub di dalam Bahagian VIII Akta 164.

⁹⁹ *Ibid.*

Perbincangan di dalam bab ini menjelaskan kepada kita bahawa peraturan perkahwinan dan perceraian penganut agama Kristian Roman Katholik pada dasarnya adalah tertakhluk kepada Akta 164 yang terpakai di seluruh Malaysia di bawah Undang-undang Sivil. Namun pengupacaraan majlis perkahwinan tersebut adalah tertakluk sama sekali kepada undang-undang dan adat istiadat Gereja yang menjalankan upacara tersebut.

3.5 Kesimpulan

Agama Kristian memandang perkahwinan sebagai satu ikatan suci antara seorang lelaki dengan seorang wanita untuk sepanjang zaman. Justeru sebuah perkahwinan di dalam agama Kristian pada asasnya berbentuk monogami dengan mengecualikan segala bentuk kecurangan dalam hubungan suami isteri. Ia juga mempunyai prosedur-prosedur tertentu yang digariskan untuk diikuti oleh penganutnya dalam konteks membina sebuah rumahtangga bahagia serta direstui oleh Tuhan. Semua peraturan tersebut adalah termaktub di dalam undang-undang yang diguna pakai seperti yang telah dibincangkan dalam bab ini. Justeru undang-undang tersebut amat penting kerana perkahwinan dianggap asas kepada pembentukan komuniti dalam agama Kristian Roman Katholik yang menggambarkan imej tuhan.